MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH / HARI : 1 FEBRUARI 2017 (RABU)

FB

# Semak, bayar cukai di SAOW

SHAH ALAM - Pejabat Bergerak Shah Alam On Wheel (SAOW) akan beroperasi di pekarangan tempat letak kereta Pasar Raya Aeon Big, Bukit Rimau, Seksyen 32, Shah Alam pada Sabtu ini.

Waktu pengoperasian pejabat bergerak ini bermula jam 11 pagi hingga jam 5 petang.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, perkhidmatan ini merupakan platform yang disediakan MBSA untuk memudahkan orang ramai berurusan pada cuti hujung minggu.

SAOW ini akan menyediakan kemudahan perkhidmatan seperti semakan dan pembayaran cukai.